



ZAITON A. Koang (tengah) menerima replika cek setelah dipilih sebagai pesilat terbaik puteri IPT tempatan di Batu Pahat, baru-baru ini.

Gadis Orang Asli-Cina muncul pesilat terbaik

BATU PAHAT 2 Okt. - Pesilat berketurunan campuran Orang Asli dan Cina, **Zaiton A. Koang**, 24, muncul pesilat terbaik puteri kategori Institut Pengajian Tinggi (IPT) pada kejohanan Pencak Silat Piala Timbalan Perdana Menteri baru-baru ini.

Penuntut Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dari Pekan, Pahang itu mewarisi keturunan Cina daripada bapanya manakala ibunya merupakan masyarakat Orang Asli.

Mesra dipanggil Eton, dia dinobatkan sebagai pesilat terbaik setelah muncul juara Kategori Puteri A menewaskan Dhiya Izzati Farziha Abd. Ghapar, 20, dari Kolej Komuniti Pahang.

Zaiton memberitahu, dia mula berminat dalam sukan silat ketika melihat rakan-rakan di UPSI mempersembahkan seni mempertahankan diri itu.

"Saya tertarik dengan silat kerana keunikannya dan keseniannya dalam menewaskan pihak lawan," katanya ketika ditemui pada kejohanan tersebut di sini hari ini.

Menurutnya, silat telah lama ber-

kembang di peringkat global dan kaum Melayu sewajarnya bangga kerana warisan nenek moyang mereka dihormati dan disanjung di peringkat dunia.

Sementara itu, peserta lelaki dari Belanda, **Jeroen Vliexs**, 26, mengakui begitu teruja dapat menyertai kejohanan silat dan menimba pengetahuan daripada jaguh-jaguh silat nusantara.

"Saya belajar silat Luk Tujuh daripada seorang guru Indonesia yang merupakan rakyat Belanda. Silat telah lama berkembang di Belanda dan terdapat ramai guru silat mengajar di sana," katanya yang tewas pada peringkat awal saingan.

Pada kejohanan itu, Malaysia muncul juara keseluruhan kategori antarabangsa setelah membolot 14 pingat emas, Singapura di tempat kedua dan Vietnam, ketiga.

Bagi kategori IPT, juara keseluruhan menjadi milik Universiti Teknologi Mara (UiTM) yang membawa pulang lapan pingat emas, diikuti Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) dan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).